

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## Reformasi ekonomi memperkasa rakyat



# Reformasi ekonomi memperkasa rakyat

## PRAKATA

PERDANA MENTERI/  
MENTERI KEWANGAN



**Ekonomi** Malaysia telah menunjukkan keteguhan dan daya tahan yang membanggakan dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.7 peratus pada 2022.

Momentum pertumbuhan ini berterusan pada 2023 walaupun pada kadar yang lebih perlahan dengan mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 4.2 peratus pada separuh pertama 2023 disebabkan oleh kelembapan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global.

Perbelanjaan domestik terus memacu momentum pertumbuhan dengan sokongan asas ekonomi yang kukuh.

Kerajaan akan mendukung dasar fiskal yang kukuh bagi menyokong momentum pertumbuhan ekonomi secara mampan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI.

Kerangka ini antara lain, memberikan tumpuan kepada pencapaian daya tahan dan kemampunan fiskal dengan sasaran defisit fiskal sebanyak 3.0 peratus dalam tahun mendatang.

Aspirasi ini juga bertujuan untuk mentransformasikan ekonomi negara bagi merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi 30 ekonomi terbesar dalam tempoh 10 tahun.

Penyepaduan dasar-dasar menerusi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 akan menggerakkan usaha seluruh jentera kerajaan secara kolektif untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang disegani dan terkemuka di Asia.

Pada 2024, tinjauan fiskal akan mengutamakan langkah kitaran balas dalam mendepani cabaran luaran dan menyokong inisiatif bagi menentukan hala tuju baharu ekonomi.

Dalam mengharungi cabaran dan peluang ini, kerajaan terus komited untuk mencapai defisit fiskal yang lebih rendah iaitu 4.3 peratus melalui konsolidasi fiskal.

Kita juga berazam untuk mendukung prinsip amalan kewangan awam yang bertanggungjawab dan pragmatik dalam memperkukuh semula penampan fiskal serta mengurangkan pendedahan kepada hutang dan liabiliti, dan pada masa yang sama berusaha mencapai pertumbuhan dan pembangunan sosioekonomi.

Kerajaan akan melaksanakan langkah pembaharuan fiskal yang tegas untuk mengukuhkan pengurusan dan mempelbagaikan sumber hasil, di samping mengurangkan

pembaziran dan ketirisan serta mengoptimalkan perbelanjaan.

Dalam hal ini, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal yang akan berkuat kuasa dapat menggiatkan usaha untuk memperkukuh tata kelola, akauntabiliti serta ketelusan dalam pengurusan kewangan awam.

Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu, keperluan mewujudkan strategi kewangan yang teguh dan pengurusan fiskal yang berhemat tidak boleh dipandang remeh.

Laporan ini menggariskan komitmen kerajaan untuk mengekalkan standard ketelusan dan tata kelola fiskal yang tinggi. Dengan penuh rasa tanggungjawab dan akauntabiliti, saya membentangkan perspektif menyeluruh mengenai pengurusan kewangan awam negara sebagaimana yang digariskan dalam laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2024 ini.

Dalam menyingkap kembali pencapaian dan cabaran fiskal yang ditempuhi, kita sama-sama berinspirasi mengenai harapan dan peluang yang terbuka di hadapan.

Laporan ini adalah hasil dedikasi dan sumbangan daripada pelbagai pihak berkepentingan khususnya warga kementerian dan rakyat amnya.

Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang

terbabit dalam penyediaan laporan ini.

Peri penting untuk saya menegaskan semula komitmen kami terhadap pengukuhan kemampunan fiskal. Marilah kita bersama-sama berusaha mendepani cabaran, merebut peluang yang mendatang dan meraikan era pertumbuhan mampan yang memberikan manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia seiring dengan visi Malaysia MADANI.

  
ANWAR IBRAHIM  
13 Oktober 2023